



SIARAN MEDIA

KPKT BERJAYA PULIHKAN 53,697 UNIT PERUMAHAN SWASTA DENGAN NILAI PEMBANGUNAN KASAR (GDV) BERJUMLAH RM39.81 BILION BAGI TAHUN 2023

KUALA LUMPUR, 26 Januari 2024 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu telah mempengerusikan mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bil. 1 Tahun 2024 pada 22 Januari 2024 selepas dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

TFST telah mengesahkan sebanyak **452 projek iaitu sebanyak 53,697 unit perumahan swasta telah berjaya dipulihkan bagi tahun 2023 dengan nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value – GDV*) sebanyak RM39.81 bilion**. Pencapaian ini menunjukkan usaha proaktif dan komitmen yang diberikan oleh TFST dalam memastikan pemajuan perumahan kondusif dan berdaya saing.

Menurut Timbalan Menteri KPKT, “Pada tahun 2024, TFST akan meneruskan agenda sedia ada di samping agenda tambahan untuk menjadikan TFST sebagai platform pemantauan perumahan secara keseluruhan bagi melaksanakan mitigasi yang lebih efektif dan berkesan mengikut keperluan dan senario semasa. Selain daripada melaporkan status pemajuan perumahan swasta dan terbengkalai di Semenanjung Malaysia, pengklasifikasian dan pengesahan projek sakit dan terbengkalai akan dilakukan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) pada setiap bulan untuk paparan umum di portal Sistem Bank Data Perumahan Negara (TEDUH) yang boleh diakses oleh orang awam”.

TFST akan meneruskan libat urus bersama agensi teknikal, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), institusi kewangan, turun padang serta pemantauan menyeluruh terhadap pemajuan projek perumahan awam dan penyelenggaraan perumahan.

Sehingga 31 Disember 2023, statistik telah menunjukkan bahawa terdapat 98 projek lewat dan 505 projek sakit manakala 117 projek pula disahkan terbengkalai. Kesemua projek lewat, sakit dan terbengkalai yang terkini membawa nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value – GDV*) sebanyak RM103.16 bilion.

TFST akan berusaha dan bergiat aktif bagi memastikan unjuran projek perumahan swasta sakit berakhir pada Disember 2024 adalah kekal sebanyak 505. KPKT juga telah menetapkan sasaran pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai bagi tahun 2024 adalah sebanyak 20 projek dan sasaran 'zero' projek perumahan swasta terbengkalai menjelang 2030.

Seterusnya pasukan TFST akan terus mempergiatkan libat urus dengan bank-bank komersial dan institusi kewangan mengikut keutamaan. Pasukan TFST yakin selain daripada turun padang melawat ke tapak projek, pendekatan libat urus ini akan menjadikan projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai dapat ditangani dengan lebih efektif di masa hadapan.

Penyiapan projek perumahan merupakan tanggungjawab pemaju manakala *Task Force* sentiasa bersedia menjadi pemudahcara dalam menyelesaikan urusan yang berkaitan dengan kementerian termasuk agensi-agensi berkaitan bagi tujuan mempercepatkan proses penyiapan dan memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*). YB Timbalan Menteri juga menyeru agar pihak berkuasa negeri turut sama berganding bahu dalam menangani masalah yang dihadapi oleh projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

